

PM: Saya belum diberitahu usaha BN bantu Berjaya

(P) UM 22 APR 1988

KUALA LUMPUR 21 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau belum diberitahu mengenai usaha menghantar para pemimpin Barisan Nasional ke Sabah untuk membantu Berjaya mengadakan kempen bagi menjamin kejayaannya dalam pilihanraya pada 5 dan 6 Mei depan.

“Mungkin Encik Ghafar Baba (selalu Setiausaha Agung BN) mengetahuinya. Saya sendiri belum lagi diberitahu,” kata Perdana Menteri hari ini.

Beliau menegaskan demikian kepada para pemberita ketika diminta mengulas kenyataan Encik Ghafar Baba semalam bahawa Barisan Nasional mungkin menghantar para pemimpinnya ke Sabah untuk membantu Berjaya, tetapi beliau sendiri tidak akan ke sana. Perdana Menteri ditemui selepas merasmikan seminar kebangsaan barangan utama di sini.

Baru-baru ini, Perdana Menteri pernah berkata, bahawa BN akan membantu Berjaya memenangi pilihanraya tersebut kerana parti itu masih anggota BN walaupun ia mengambil keputusan menggunakan lambang sen-

diri dalam pilihanraya itu.

Mengenai tarikh pilihanraya umum, Datuk Sri Dr. Mahathir masih tetap tidak mahu membayangkannya, sebaliknya berkata biarlah ia terus menjadi spekulasi.

Ditanya mengenai kenyataan Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Encik Rahim Abu Bakar kelmarin menyatakan Perdana Menteri akan mengumumkan pembubaran Parlimen dan menentukan tarikh pilihanraya selewat - lewatnya esok, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

“Encik Rahim bebas membuat sebarang ulasan. Semua orang boleh memberikan komennya dan kita tidak boleh menahan sesiapaupun dari membuat sebarang spekulasi.”

“Saya tidak ada apa-apa yang hendak ditambah kepada komen-komen itu.”

Encik Rahim ketika membuat kenyataan itu kelmarin berkata, sekiranya Perdana Menteri tidak membuat pengumuman tersebut sehingga esok, bermakna kerajaan sekarang akan terus memerintah dan mengadakan pilihanraya tahun depan.